



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1990

PEMBERIAN INSENTIF KEWANGAN BERDASARKAN MERIT

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk memberikan panduan berkenaan dengan pelaksanaan pemberian insentif kewangan berdasarkan merit.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju untuk memberi hadiah atau imbuhan dalam bentuk wang kepada pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat dengan cekap dan cemerlang. Panduan melaksanakan penghargaan perkhidmatan cemerlang telah pun diperuntukkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1983. Bagi melaksanakan pemberian insentif kewangan berdasarkan merit ini, pengkhidmat-pengkhidmat cemerlang yang telah dipilih berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1983 itu akan dipertimbangkan untuk pemberian ini.

OBJEKTIF PEMBERIAN INSENTIF

3. Objektif utama mewujudkan pemberian insentif kewangan berdasarkan merit adalah untuk memupuk semangat bekerja bersungguh-sungguh di kalangan pegawai dan kakitangan demi mempertingkatkan lagi produktiviti dan mutu perkhidmatan sektor awam serta memberi dorongan kepada mereka bagi meneruskan prestasi mereka di samping memberi galakan untuk memupuk semangat persaingan yang sihat bagi pekerja-pekerja lain supaya meningkatkan lagi prestasi masing-masing dan sektor awam secara menyeluruh. Dengan demikian hasrat untuk mencapai satu perkhidmatan awam yang bersih, cekap dan amanah akan tercapai.

PANDUAN PEMILIHAN PEMBERIAN INSENTIF KEWANGAN BERDASARKAN MERIT

4. Untuk membuat pemilihan bagi pemberian insentif kewangan ini, satu Panel Pemilihan Khas hendaklah ditubuhkan di tiap-tiap Kementerian. Panel ini hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian sendiri dan dua orang ahlinya dipilih daripada pegawai kanan dalam Kementerian atau Jabatan/Agensi di bawahnya. Panel Pemilihan di Kementerian ini diberi kuasa untuk membuat keputusan memberi insentif kewangan kepada pegawai dan kakitangan dalam Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya. Bidang tugas bagi Panel Pemilihan Khas adalah seperti di [Lampiran "A"](#).

5. Panel Pemilihan yang dibentuk dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1983 di peringkat Jabatan atau Agensi boleh terus memilih pengkhidmat cemerlang dan memberi hadiah mengikut surat Pekeliling Am berkenaan. Selain daripada membuat pemilihan-pemilihan biasa di bawah Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1983, Panel-panel Pemilihan ini sekarang hendaklah juga membuat pencalonan pegawai dan kakitangan yang telah dipilih sebagai pengkhidmat cemerlang yang difikirkan layak untuk diberi insentif berdasarkan merit kepada Panel Pemilihan Khas di peringkat Kementerian untuk pertimbangan.

6. Pencalonan-pencalonan oleh Panel Pemilihan di peringkat Jabatan/Agensi hendaklah dibuat mengikut borang di [Lampiran "B"](#) dan dikemukakan kepada Panel Pemilihan Khas berserta dengan borang pencalonan asal yang telah dibuat mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1983.

7. Pemberian insentif kewangan berdasarkan merit ini boleh juga ditimbang untuk sekumpulan pegawai dan kakitangan yang telah berjaya dari segi daya cipta yang membawa kesan yang positif dan berpanjangan, walaupun secara individu pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang berkenaan tidaklah begitu cemerlang. Borang pencalonan dan panduan untuk pemberian ini adalah seperti di [Lampiran "C"](#) dan [Lampiran "C1"](#).

PEMILIHAN PERINGKAT KETUA JABATAN/AGENSI DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN

8. Sesuai dengan objektif pemberian ini yang bersifat menyeluruh, Ketua-Ketua Jabatan/Agensi adalah juga layak dipertimbangkan. Pemilihan akan dibuat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat bagi Kumpulan A. Pencalonan Ketua Jabatan/Agensi di bawah sesuatu Kementerian bagi tujuan pemberian insentif kewangan berdasarkan merit hendaklah dibuat oleh Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan. Pencalonan bagi Ketua Setiausaha Kementerian pula akan dibuat oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

KADAR INSENTIF KEWANGAN

9. Pegawai dan kakitangan yang terpilih untuk menerima insentif kewangan berdasarkan merit adalah layak diberi sebanyak setengah bulan hingga sebulan gaji hakiki semasa pada tarikh pemilihan dibuat oleh Panel Pemilihan Khas/Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan A.

HAD BILANGAN PENERIMA

10. Pelaksanaan pemberian insentif berdasarkan merit ini hendaklah bersifat persaingan (competitive) supaya ianya menjadi galakan di kalangan pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan masing-masing. Bagi mencapai objektif ini jumlah pegawai dan kakitangan yang boleh diberi adalah dihadkan bagi tiap-tiap Kementerian. Bagi permulaan, jumlah insentif

kewangan ini telah dihadkan kepada 0.25% dari jumlah pegawai dan kakitangan bagi tiap-tiap Kumpulan A, B, C dan D di dalam satu-satu Kementerian yang merangkumi semua jabatan, agensi dan badan berkanun di bawah Kementerian itu.

PERUNTUKAN KEWANGAN

11. Perbendaharaan telah bersetuju supaya peruntukan kewangan untuk melaksanakan pemberian insentif ini dipohon oleh Kementerian-kementerian di bawah belanjawan tahunan masing-masing.

12. Oleh kerana tidak dapat diketahui gaji hakiki pegawai dan kakitangan yang akan terpilih dalam satu-satu tahun, bagi tujuan menganggarkan peruntukan kewangan dalam belanjawan tahunan oleh Kementerian-kementerian, peruntukan belanjawan purata bagi satu penerima insentif bagi semua kumpulan bolehlah dibuat berdasarkan sebanyak \$1,322 bagi satu insentif. Contohnya jika sesuatu Kementerian telah menetapkan jumlah bilangan penerima insentif ini seramai 50 berdasarkan 0.25% dari jumlah pegawai dan kakitangan dalam Kumpulan A, B, C dan D yang merangkumi Jabatan, agensi dan badan berkanun di bawah kawalannya, maka jumlah peruntukan tahunan bolehlah dipohon sejumlah \$66,100.00 (50 x \$1,322.00). Kementerian yang telah memastikan sememangnya ada kumpulan pegawai dan kakitangan yang boleh diberi pembayaran insentif kewangan berdasarkan merit ini, peruntukan tambahan berdasarkan anggaran jumlah penerima insentif dan kumpulan projek, hendaklah

dibuat juga atas kadar yang disebutkan di atas itu.

URUSETIA


13. Bahagian Pentadbiran atau Perkhidmatan di tiap-tiap Kementerian akan berfungsi sebagai urusetia untuk melaksanakan pemberian insentif kewangan berdasarkan merit.

TARIKH KUATKUASA

14. Tarikh kuatkuasa pemberian insentif kewangan berdasarkan merit ini adalah tarikh keluarnya Pekeliling ini. Kementerian bolehlah memberi insentif ini kepada pegawai dan kakitangan pada awal tahun 1990 berdasarkan kepada tahun penilaian 1989.

AM

Sekiranya ada sebarang keraguan, penjelasan lanjut bolehlah diminta daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA

Tarikh: 2 Mac 1990

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

s. k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

1. Ahli dan Bidang Tugas Panel Pemilihan Khas

1.1 Panel Pemilihan Khas ini hendaklah terdiri daripada:

(a) Ketua Setiausaha Kementerian sebagai pengerusi dan dua orang pegawai kanan Kementerian/Jabatan/Agensi.

1.2 Bidang Tugas Panel Pemilihan Khas ini adalah:

(a) menetapkan pegawai dan kakitangan yang layak menerima pemberian insentif kewangan berdasarkan merit berdasarkan calon-calon yang diperakukan oleh Panel Pemilihan yang ditubuhkan di bawah Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1983;

(b) menetapkan kumpulan pegawai dan kakitangan yang layak diberi pemberian insentif kewangan berdasarkan merit;

(c) menetapkan kadar pembayaran insentif tersebut atas kadar setengah bulan hingga sebulan gaji hakiki kepada pegawai atau kumpulan pegawai dan kakitangan;

(d) menyemak ke dalam 3 tahun laporan prestasi tahunan yang terakhir (untuk kumpulan A, B dan C) untuk memastikan pegawai dan kakitangan yang akan menerima insentif kewangan berdasarkan merit ini juga adalah pegawai dan kakitangan yang telah mempunyai prestasi kerja yang baik; dan

(e) memastikan bilangan penerima insentif kewangan berdasarkan merit untuk individu adalah mengikut had jumlah penerima individu yang telah

ditetapkan dalam Pekeliling.

PENCALONAN INSENTIF KEWANGAN BERDASARKAN MERIT

1. Perakuan Panel Pemilihan

(Bahagian ini hendaklah diisikan oleh Panel Pemilihan yang ditubuhkan di bawah Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1983 untuk dikemukakan kepada Panel Pemilihan Khas berserta Borang Pencalonan Asal mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1983 Bagi Pemilihan Pemberian Insentif Kewangan Berdasarkan Merit).

Ulasan Keseluruhan oleh Panel Pemilihan

2. Perakuan Panel Pemilihan kepada Panel Pemilihan Khas

(Tandakan () pada mana-mana yang berkenaan)

2.1 Memperakukan supaya pegawai diberi pemberian insentif kewangan berdasarkan merit.

YA

TIDAK

(Jika ya, nyatakan kadarnya).

Kadar berdasarkan gaji hakiki sebulan

Nama

Tandatangan Pengerusi Panel
Pemilihan

Jawatan

Tarikh

3. Keputusan Panel Pemilihan Khas

(Bahagian ini hendaklah diisikan oleh Panel Pemilihan Khas bagi pemilihan pemberian Insentif Kewangan Berdasarkan Merit dan tandakan (Ö) pada mana-mana yang berkenaan).

3.1 *Keputusan Pemberian Insentif Kewangan Berdasarkan Merit*


Bersetuju supaya pegawai ini diberi pemberian insentif kewangan berdasarkan merit.

YA

TIDAK


Jika bersetuju, kadar pemberian berkenaan adalah seperti berikut. (Nyatakan kadarnya).

Kadar berdasarkan gaji hakiki sebulan




Tandatangan Pengerusi Panel
Pemilihan Khas

Nama



Jawatan



Tarikh



LAMPIRAN "C"

PEMBERIAN INSENTIF KEWANGAN BERDASARKAN MERIT

*ALASAN-ALASAN PEMILIHAN KUMPULAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN
OLEH PANEL PEMILIHAN*

(Penilaian ini hendaklah meliputi liputan faedah, keaslian dan inovasi sesuatu projek serta penjimatan yang telah/bakal diperolehi tanpa menjejaskan prestasi dan kekesanan Jabatan/Agensi berkenaan).

B. Perakuan Panel Pemilihan Peringkat Jabatan/Agensi kepada Panel Pemilihan Khas

(Tandakan () pada mana-mana yang berkenaan)

Memperakukan supaya ahli-ahli dalam kumpulan diberi pemberian insentif kewangan

YA

TIDAK

berdasarkan merit. (Jika ya, nyatakan kadarnya).

Kadar berdasarkan gaji hakiki sebulan

Tandatangan Pengerusi Panel
Pemilihan Peringkat Jabatan/
Agensi

Nama

Jawatan

Tarikh

C. Keputusan Pemberian Insentif Kewangan Berdasarkan Merit oleh Panel Pemilihan Khas

(Tandakan () pada mana-mana yang berkenaan)

Bersetuju atau tidak supaya ahli-ahli dalam kumpulan diberi pemberian insentif kewangan berdasarkan merit. (Jika bersetuju, nyatakan kadarnya).

YA

TIDAK

Kadar berdasarkan gaji hakiki sebulan

Tandatangan Pengerusi Panel
Pemilihan Khas

Nama

Jawatan

Tarikh

LAMPIRAN "C1"

PANDUAN PEMBERIAN INSENTIF KEWANGAN
BERDASARKAN MERIT BAGI KUMPULAN PEGAWAI
DAN KAKITANGAN

1. Ahli-ahli Kumpulan

1.1 Ahli-Ahli Kumpulan boleh terdiri daripada:

- (a) kumpulan pegawai dan kakitangan dalam satu Unit/Bahagian yang sama;
- (b) kumpulan pegawai dan kakitangan dalam satu Agensi/Jabatan yang sama;
- (c) kumpulan pegawai dan kakitangan dalam satu Kementerian yang sama;
- (d) kumpulan pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada pelbagai Kementerian; dan

(e) kumpulan meningkat mutu kerja.

1.2 Kumpulan pegawai dan kakitangan wujud mungkin secara rasmi iaitu melalui sesuatu Jawatankuasa Khas, Pasukan Petugas Khas, Jawatankuasa Kerja dan sebagainya. Kumpulan pegawai dan kakitangan bagaimanapun boleh juga wujud secara *ad-hok* melalui inisiatif pegawai dan kakitangan di mana-mana peringkat dalam menjalan atau mengkaji sesuatu projek.

2. Projek-projek yang Boleh Dinilai di dalam Satu-satu Tahun Penilaian

2.1 Projek-projek yang boleh dinilai adalah seperti berikut:

(a) projek yang dimula dan diselesaikan dalam tahun penilaian; dan

(b) projek yang bermula sebelum tahun penilaian dan hanya diselesaikan dalam tahun penilaian.

3. Had Bilangan Kumpulan Pegawai dan Kakitangan bagi Sesuatu Kementerian

3.1 Bagi tujuan pemberian insentif kewangan berdasarkan merit, beberapa kumpulan pegawai dan kakitangan boleh diberi insentif tersebut. Bilangan ini hendaklah ditetapkan mengikut budibicara Panel Pemilihan Khas.

4. Had Bilangan Ahli-ahli dalam Sesuatu Kumpulan

4.1 Bilangan ahli-ahli dalam satu kumpulan pegawai dan kakitangan yang layak diberi pemberian insentif kewangan berdasarkan merit adalah ditetapkan

mengikuti budibicara Panel Pemilihan yang mengawasi kumpulan berkenaan. Ahli-ahli dalam kumpulan yang dipertimbangkan itu hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar terlibat secara langsung dari segi daya cipta, inovasi dan kreativiti.